

22 JUN 2002

Umno-Agama (Rangkuman)

PERWAKILAN DIINGATKAN BAHAYA PAS TERHADAP AGAMA DAN BANGSA

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno 2002 merakamkan kebimbangan mereka terhadap kesan buruk rang undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu terhadap masyarakat dan imej Islam.

Para anggota perwakilan menganggap langkah kerajaan PAS negeri itu mahu meluluskan hudud ala PAS di Dewan Undangan Negeri Terengganu bulan depan tidak bermotif politik semata-mata dan malahan wakil Kelantan mendesak kerajaan segera mengharamkan parti itu sebelum ia membawa lebih banyak kerosakan kepada Islam.

Dalam perbahasan menyokong Usul Agama dan Sosial yang kemudiannya diluluskan sebulat suara oleh perwakilan, para pembahas menegaskan Umno tidak pernah menolak hukum hudud (jenayah Islam) yang mengikut ajaran sebenar Islam, tetapi menolak hudud ala PAS.

Perhimpunan yang masuk hari ketiga dan terakhir hari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, turut merakamkan rasa kesal mereka terhadap PAS kerana sanggup bersekongkol dengan DAP yang tidak pernah menyokong perjuangan orang Melayu sejak 27 tahun lalu dan menolak penubuhan sebuah negara Islam.

Perwakilan juga membuat kesimpulan bahawa perpecahan umat Islam di Malaysia bukan kerana perbezaan etnik tetapi akibat tindak-tanduk PAS yang suka mengeluarkan pelbagai fatwa bermotif kepentingan politik tanpa mengira kesannya terhadap agama dan perpaduan umat.

"PAS sebenarnya sanggup menjual agama kerana gilakan kuasa sehingga sanggup mencipta fatwa yang mengelirukan masyarakat seperti Tuhan mencarut serta menawarkan pahala dan syurga," kata wakil Umno Kedah Mohamad Kamal Saidin.

Mohamad Kamal yang petah berpidato ala penceramah agama, mengemukakan fakta-fakta sokongan yang membezakan antara Hudud Allah dan Hudud PAS.

"Demi Allah, kita tidak tolak hukum hudud Allah tetapi kita (Umno) menentang siapa sahaja yang menodai hukum Allah," kata Mohamad Kamal.

Beliau berkata PAS hanya berjuang untuk mendapatkan pangkat, darjat dan kuasa dan telah dibuktikan antaranya pemimpin mereka yang menduduki kerusi Parlimen dan dalam masa yang sama mewakili kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Beliau mempersoalkan tindakan Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang menggubal undang-undang hudud untuk negeri itu sedangkan sebelum itu beliau mempengerusikan jawatankuasa pengubal hudud bagi Kelantan.

"Kenapa undang-undang Kelantan itu tak dibawa ke Terengganu, jadi saya nak tanya orang PAS berapa jenis hudud dalam Islam dan yang mana satu hudud Allah," katanya.

Dengan itu, jelas pimpinan PAS Kelantan dan Terengganu menggubal undang-undang hudud semata-mata untuk mengekalkan kuasa mereka, katanya.

"Kalau di Kelantan (Menteri Besar Datuk) Nik Aziz (Nik Mat) boleh mengekalkan kuasanya dengan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 dan dengan harapan yang sama (Menteri Besar Terengganu Datuk Seri) Abdul Hadi (Awang) akan membentangkan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) pada persidangan DUN bulan depan," katanya.

Beliau berkata PAS sebenarnya menggubal hudud sedemikian sebagai senjata politik bagi menentang Umno kerana apabila mereka menyerahkan kepada kerajaan pusat sudah pasti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menolaknya.

Dengan cara itu, beliau berkata PAS akan mendakwa kerajaan yang ditunjangi oleh Umno menolak hudud dengan harapan orang Melayu akan memandang kerajaan didokongi oleh parti politik (Umno) yang tidak Islamik.

Pada perhimpunan itu, wakil Wanita Umno tidak kurang lantang mempertikaikan rang undang-undang hudud ala PAS kerana dikatakan tidak berlaku adil kepada kaum wanita.

Wakil Wanita Norhayati Omar berkata pergerakan itu tidak menentang hukum hudud Allah tetapi menentang hukum hudud yang dibawa PAS yang secara terang-terang didapati menindas kaum wanita dan menodai kesucian hukum Allah.

"Hukum dalam Islam adalah untuk mewujudkan masyarakat yang bahagia dan bebas dari ketidakadilan kerana Islam itu Ad'din.

"... namun peruntukan Enakmen yang akan dibentangkan terutamanya bagi Seksyen 9 Sub Seksyen 12(1), 48(2) dan 43(1) benar-benar dengan jelas menganiayai kaum wanita," katanya ketika membahaskan usul Agama dan Sosial pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Norhayati berkata mengikut seksyen itu, seseorang mangsa rogol perlu mengemukakan empat orang saksi lelaki yang baligh dan adil sedangkan soal bukti seperti ujian, DNA, air mani atau kecederaan tidak disebutkan dengan jelas.

Pada perhimpunan itu ada pembahas yang menggesa pemimpin Umno mengambil tindakan segera mengharamkan PAS yang memang jelas cuba meruntuhkan masyarakat Islam di negara ini.

Wakil Umno Kelantan Zaid Ibrahim berkata kerosakan yang akan dibuat oleh PAS ke atas masyarakat Islam akan lebih dahsyat jika mereka terus dibiarkan berpolitik.

"PAS parti yang ganas, bertopengkan agama dan menggunakan agama untuk kepentingan politik. Sejarah membuktikan parti yang bertopengkan agama adalah ganas seperti parti Likud di Israel," katanya sambil menambah parti Likud yang mendakwa mereka parti Tuhan telah menghalalkan pembunuhan masyarakat Palestin.

Di bawah usul itu juga perwakilan menggesa seluruh agensi kerajaan dan badan-badan agama mengemblengkan usaha dan tenaga secara bersepadu dengan memberikan kefahaman Islam yang sebenar melalui pendekatan berintipatikan ketamadunan kepada semua lapisan masyarakat.

Perwakilan juga menyeru semua pihak termasuk setiap anggota Umno agar sama-sama menggempur dan membanteras gejala sosial dengan menggunakan kebijaksanaan dan segala sumber yang ada melalui tindakan bersama dan terancang.

-- BERNAMA
BD NH ZS RHM